



## SIARAN MEDIA

### DOF SEDIA PLATFORM DIALOG PEMBAHARUAN INDUSTRI PERIKANAN NEGARA

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) yang telah bertapak lebih dari satu abad **menjadi salah satu sektor terpenting dengan menyumbang lebih RM20 bilion setahun kepada negara** yang merangkumi aktiviti perikanan tangkapan, pengurusan dan perlindungan sumber termasuk taman-taman laut, industri akuakultur, industri tuna, aktiviti penyelidikan dan pemprosesan produk nilai tambah.
2. **Golongan nelayan, penternak ikan dan pengusaha perikanan serta pemain-pemain industri adalah amat penting** untuk membekal sumber protein berdasarkan ikan bukan sahaja kepada negara tetapi untuk dieksport ke seluruh dunia.
3. Justeru, DOF menyediakan platform untuk **Dialog Pembaharuan Industri Perikanan Negara** pada hari ini yang melibatkan pemain-pemain industri dan kumpulan sasar serta pegawai-pegawai barisan hadapan DOF. Sesi dialog akan melibatkan panel dan moderator dari MOA dan DOF bagi mengupas dan memudahkan cara isu-isu yang menjadi tumpuan dalam sektor perikanan.
4. Sesi dialog ini diharapkan dapat menjadi penggalak kepada pegawai-pegawai barisan hadapan Jabatan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang dan memainkan peranan sebagai "**game changer**" demi kemajuan strategik yang boleh menyumbang kejayaan dalam kemajuan industri perikanan negara.
5. Dengan **kepantasan Revolusi Industri 4.0** yang bertonggakkan teknologi automasi mencakupi *Internet of Things (IoT)*, analisis dan *big data*, simulasi, sistem integrasi, penggunaan robotik, *icloud* dan *artificial intelligence (AI)*, semua pihak perlu membuat perubahan yang seiring supaya industri perikanan negara tidak ketinggalan dari terus menyumbang kepada pengeluaran ikan untuk sara diri dan aktiviti eksport.

6. MOA dan DOF akan terus memudahcara dan membantu nelayan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan dengan menggunakan **bot moden** untuk menangkap ikan ke laut yang lebih dalam. Industri Akuakultur juga tidak ketinggalan termasuklah penggunaan **teknologi sangkar moden** untuk meningkatkan pengeluaran ikan. Potensi **industri tuna** juga boleh pergi jauh memandangkan kedudukan perairan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara dan mampu memperluaskan penerokaan Malaysia ke laut lepas yang dibuat melalui punca kuasa **Akta Perikanan 1985 (Pindaan 2019) yang telah berkuatkuasa.**
7. Juga mengambil pandangan dan cetusan idea YAB Perdana Menteri Malaysia untuk **mencantumkan kawasan-kawasan kecil** secara kluster untuk **diuruskan oleh pakar** dalam bidang berkaitan. Ini bertujuan **untuk menambah nilai dalam pengeluaran dan juga menangani isu apabila harga barang jatuh**. Cadangan ini akan membantu meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran, pengurangan aktiviti import dan peningkatan pendapatan kumpulan sasar serta kuasa pembeli di kalangan rakyat.
8. Dialog pembaharuan industri perikanan negara yang diadakan sehari bertempat di Universiti Putra Malaysia ini dihadiri oleh YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YBhg. Dato' Salim bin Parlan, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, YBhg. Dato' Hj. Munir bin Mohd Nawi, Ketua Pengarah Perikanan, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi, Persatuan Nelayan dan pegawai-pegawai barisan hadapan Jabatan Perikanan.

###

Siaran media ini disiarkan oleh :

#### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya

**4 Disember 2019 (Rabu) jam 10.00 pagi.**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen) : 012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)